

# Gadis dirogol ketika hadir temu duga



» *Kejadian kedua guna modus operandi sama selepas kes pertama akhir Julai lalu*

B/H - 20/9/12 MS21

pur, Asisten Komisioner Khairi Ahrasa, berkata kejadian berlaku kira-kira jam 7 petang Sabtu lalu ketika mangsa berusia 22 tahun menghadiri temu duga sebagai jurujual di sebuah hotel murah di taman perumahan itu.

## **Janji gaji RM400 sehari**

“Hasil siasatan mendapati mangsa mengetahui tawaran kerja sebagai jurujual melalui satu laman web, yang menjanjikan gaji RM400 sehari, tidak termasuk faedah lain.

“Terpengaruh dengan tawaran itu, mangsa kemudian menghadiri temu duga di sebuah hotel di Taman Segar, Cheras seorang diri sebelum disamun dan dirogol,” katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, kejadian itu yang kedua dalam tempoh tidak sampai tiga bulan, meng-

gunakan modus operandi sama, selepas kes pertama dilaporkan akhir Julai lalu membabitkan mangsa berusia 23 tahun.

“Kita tidak menolak kemungkinan kedua-dua kes ini didalangi suspek sama. Polis sedang meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kaunter pendaftaran hotel berkenaan bagi mengenal pasti identiti suspek,” katanya.

Berikutan itu, Khairi berkata, polis sedang mengesan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an bagi membantu siasatan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan individu terbabit diminta menghubungi balai polis berhampiran atau pegawai penyiasat Inspektor Izhamaz Niza Abdul Hamid di talian 03-21460522 (sambungan 167).

“*Terpengaruh dengan tawaran itu, mangsa kemudian menghadiri temu duga di sebuah hotel di Taman Segar, Cheras seorang diri sebelum disamun dan dirogol*”

**Khairi Ahrasa,**  
Timbalan Ketua Jabatan  
Siasatan Jenayah  
Kuala Lumpur

“Kes ini disiasat mengikut Seksyen 376 dan 392 Kanun Keseksaan, masing-masing atas kesalahan rogol serta melakukan rompakan,” katanya.

**Oleh Hardi Effendi Yaacob**  
hardi@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

**S**eorang gadis lepasan institut pengajian tinggi (IPT) bukan hanya disamun, malah turut dirogol ketika menghadiri temu duga di Taman Segar, Cheras, dekat sini.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lum-